



**KEDUA-DUA** pelajar UTHM bergambar bersama dengan pelajar Universiti Pendidikan dan Teknologi Korea.

# Pelajar UTHM timba pengalaman di Korea



**D**UA pelajar Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah terpilih menyertai Program Mobiliti Berkredit *Outbound Koreatech Winter School* di Universiti Pendidikan Dan Teknologi Korea. (Koreatech), Korea Selatan, baru-baru ini.

Mereka terdiri daripada Nur Fathihah Ramli dan Mariam Izati Mohamad Ikram yang berpeluang menyertai program itu bagi meningkatkan profesionalisme dalam bidang sains dan teknologi, di samping menimba pengalaman tentang adat dan budaya Korea.

Selain itu, jaringan kerjasama antara FPTV itu pula melibatkan QS *Rating* fakulti berkenaan pada peringkat antarabangsa.

Program mobiliti yang berlangsung selama tiga minggu itu diisi dengan kursus *3D Modeling* dan *3D Printing*.

Ia juga melibatkan kursus kebudayaan dan bahasa Korea serta tekwando selain berpeluang menduduki peperiksaan pertengahan dan akhir semester untuk



**PROGRAM** Mobiliti Berkredit *Outbound Koreatech Winter School* membawa misi UTHM ke peringkat antarabangsa.

**NUR FATHIHAH RAMLI** (kanan) dan Mariam Izati Mohamad Ikram yang terpilih menyertai Program Mobiliti Berkredit *Outbound Koreatech Winter School* di Koreatech, Korea Selatan, baru-baru ini.

melayakkan mereka mendapat sijil.

Menariknya, peserta turut dibawa melawat ke syarikat industri untuk mempelajari bidang sains teknologi Korea selain menyaksikan sendiri proses pembuatan makanan ringan, *Badam Creative Factory*.

Pada masa yang sama, mereka turut berpeluang mempelajari tentang kehidupan masyarakat Korea.

Selain itu, pelbagai aktiviti tambahan turut diadakan iaitu acara memancing di tasik di

Yangpyeong, lawatan ke Istana Gyeongbuk dan bandar Seoul.

Program mobiliti dengan kerjasama Pejabat Antarabangsa UTHM itu berjaya meningkatkan daya kepimpinan pelajar selain dapat membantu peserta mobiliti pada masa depan.

Pengetahuan dan pengalaman daripada lawatan itu juga menjadi pemangkin dalam berdaya saing dan meletakkan mahasiswa bertaraf global.